

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai maklumat penerima Dana Intervensi Industry4WRD dan Geran Automasi Pintar (SAG) seperti berikut :-

- (a) jumlah syarikat yang menerima mengikut sektor; dan
- (b) jumlah dana diperuntukkan bagi setiap sektor.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah melancarkan Industry4WRD pada tahun 2018 bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan untuk mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam proses pembuatan serta sistem pengurusan syarikat. Program Industry4WRD telah diperkenalkan untuk membantu PKS dalam transformasi ke arah Industri 4.0 yang merangkumi aspek latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Di bawah program ini, merangkumi dua (2) inisiatif khusus iaitu:

- i. Penilaian Kesediaan Industry4WRD (*Readiness Assessment - RA*); dan
- ii. Dana Intervensi Industry4WRD (*Intervention Fund - IF*).

Penilaian Kesediaan (*Readiness Assessment – RA*) merupakan satu inisiatif di bawah Program Industry4WRD untuk membantu syarikat khususnya syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan (*Manufacturing Related Services - MRS*) menilai tahap kesediaan syarikat dan mengenalpasti jurang syarikat dalam transformasi ke arah Industri 4.0. Sejak tahun 2019 sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 1,056 PKS telah diluluskan untuk melaksanakan Penilaian Kesediaan yang dibiayai oleh Kerajaan.

Sebagai langkah seterusnya, syarikat-syarikat yang telah menjalani program RA yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan adalah layak untuk memohon dana intervensi Industry4WRD bagi tujuan menanggung perbelanjaan berkaitan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Dana ini menyediakan geran untuk sektor pembuatan secara amnya kepada syarikat yang layak dengan nisbah 70 peratus ditanggung oleh Kerajaan, tertakluk kepada had maksimum RM500 ribu, dan 30 peratus lagi ditanggung oleh pihak syarikat. Sejak tahun 2020 sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 154 syarikat telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM54.26 juta dan antara jumlah syarikat (bilangan) dan nilai dana (RM) yang telah diluluskan geran padanan (70:30) Dana Intervensi bagi lima (5) sektor utama adalah:

- Pembuatan makanan dan minuman - 19 syarikat (RM6.5 juta);
- Produk plastik - 16 syarikat (RM5.9 juta);
- Pembuatan mesin dan peralatan - 16 syarikat (RM5.4 juta);
- Perkhidmatan sokongan kejuruteraan - 16 syarikat (RM4.4 juta); dan

- Bahan kimia dan produk kimia - 12 syarikat (RM3.8 juta).

MITI melalui MIDA, juga menyediakan geran bagi membantu dan menggalakkan peningkatan automasi dan pendigitalan dalam proses pengeluaran dan operasi syarikat terutamanya di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) iaitu di bawah Geran Automasi Pintar (Smart Automation Grant - SAG). Ia bertujuan bagi membantu syarikat-syarikat PKS dan *Mid-Tier Company* (MTC) dalam meningkatkan kecekapan sektor perkilangan dan perkhidmatan, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dan seterusnya memberi peluang perniagaan di sektor bernilai tambah tinggi. Inisiatif geran SAG bermula pada 2 Disember 2020, dengan peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Sebanyak RM50 juta dana tambahan juga diperuntukkan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). Geran SAG ini diberikan secara padanan (50:50) sehingga had maksimum sebanyak RM1 juta bagi setiap syarikat.

Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 167 syarikat telah diluluskan dengan geran sebanyak RM99.5 juta di mana 86% penerima geran adalah syarikat-syarikat PKS dan selebihnya adalah syarikat MTC dan antara jumlah syarikat (bilangan) dan nilai dana (RM) yang diluluskan geran padanan automasi pintar (50:50) bagi lima (5) sektor utama adalah:

- Sektor berorientasikan buruh (perabot, plastik, tekstil, kayu dan getah) – 62 syarikat (RM37.6 juta);
- Pembuatan makanan dan minuman – 20 syarikat (RM12.2 juta);
- Lain-lain sektor perkhidmatan terpilih – 17 syarikat (RM8 juta);
- Pembuatan kertas, percetakan dan penerbitan – 14 syarikat (RM7.8 juta); dan
- Pembuatan mesin dan peralatan – 11 syarikat (RM7.7 juta).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN**

**TUAN WONG TACK [ BENTONG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan untuk kawalan keselamatan dan kualiti makanan. Bagaimana keberkesanan dan kecekapan mekanisme ini dipastikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan melaksana dan meningkatkan kawalan keselamatan makanan di Malaysia bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta mempermudah perdagangan makanan berdasarkan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Mekanisme pelaksanaan merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti berikut:

**i. Pendaftaran Premis Makanan**

Semua premis makanan di setiap peringkat rantai bekalan makanan meliputi sumber bahan mentah, premis pemprosesan makanan, pusat pengedaran, kenderaan pengangkutan dan premis jualan diwajibkan berdaftar dengan KKM secara digital menggunakan sistem FoSIM (*Food Safety Information System of Malaysia*). Pendaftaran premis makanan membolehkan KKM memantau dan mengawal secara sistematik premis-premis makanan di Malaysia supaya sentiasa mematuhi keperluan di bawah Akta dan peraturan makanan berkaitan.

ii. **Pemeriksaan Kebersihan Premis Makanan**

Pemeriksaan kebersihan ke atas premis makanan berasaskan risiko (*risk based*) dilaksanakan secara berjadual, di mana tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas mana-mana premis yang gagal mematuhi keperluan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

iii. **Pelaksanaan Pelesenan ke atas Produk Makanan**

Keperluan pelesenan diwajibkan bagi Air Mineral Semulajadi, Air Minuman Berbungkus, Kilang Ais dan Mesin Jual Air yang beroperasi di seluruh negara. Keperluan pelesenan ini membolehkan KKM melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara lebih berkesan ke atas produk berkenaan bagi memastikan ianya selamat kepada pengguna.

iv. **Keperluan Program Jaminan Keselamatan Makanan**

Memantau dan menguatkuasakan keperluan Program Jaminan Keselamatan Makanan di semua premis pengilangan makanan bagi memastikan produk-produk makanan yang dihasilkan dan dipasarkan di dalam negara mahupun bagi tujuan eksport adalah selamat dan mematuhi piawaian keselamatan makanan yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, KKM melaksanakan pelbagai skim Program Jaminan Keselamatan Makanan seperti Pensijilan MeSTI, Pensijilan GMP, Pensijilan HACCP, Pensijilan *MyFoodTag*, Pengiktirafan BeSS, Pengiktirafan *Trust MyCatering* dan Penyenaraian *Home-based Food* kepada pihak industri makanan terutama Industri Kecil dan Sederhana bagi memastikan produk makanan yang dijual adalah selamat.

v. **Kawalan Produk Makanan Import**

Melaksanakan kawalan keselamatan ke atas makanan yang diimport yang meliputi aktiviti pemeriksaan dan pelepasan konsainan makanan yang masuk melalui semua pintu masuk negara. Produk makanan yang tidak mematuhi keperluan perundangan makanan negara akan ditahan bagi tujuan

penyiasatan lanjut termasuk pensampelan bagi tujuan analisis dan juga tindakan lain seperti arahan pelabelan semua atau penolakan konsainan.

**vi. Kawalan Produk Makanan Eksport**

Bagi produk makanan yang dieksport ke luar negara, KKM mengenakan keperluan Sijil Kesihatan bagi memberi jaminan keselamatan makanan dan meningkatkan kepercayaan negara pengimport terhadap Malaysia. Di samping itu, KKM juga melaksanakan program pemantauan secara berterusan ke atas premis-premis makanan eksport bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi keperluan perundangan makanan yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Dalam memastikan keberkesanan aktiviti atau mekanisma kawalan keselamatan makanan ini, pemantauan secara holistik di peringkat kebangsaan dilaksanakan oleh KKM melalui Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK) yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan. Majlis ini dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan dan merupakan badan penasihat tertinggi kepada kerajaan dalam segala hal berkaitan keselamatan makanan dan pemakanan.

3. Justeru, perancangan, pelaksanaan serta penilaian keberkesanan mengenai strategi keselamatan makanan berdasarkan Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan diselaraskan secara sistematik berdasarkan persetujuan peringkat kebangsaan melalui Pelan Tindakan Keselamatan Makanan Kebangsaan. Pemantauan keberkesanan merangkumi penilaian dari aspek aduan mengenai keselamatan makanan yang diterima daripada orangramai dan juga kadar kejadian keracunan makanan yang berlaku di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK (BENTONG)**

**SOALAN**

**TUAN WONG TACK (BENTONG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah program-program kesedaran untuk mengurangkan sampah yang telah dijalankan, jumlah perbelanjaan, serta tahap keberkesanan atau kejayaan program tersebut dalam menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah dan sedang melaksanakan program-program kesedaran di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis untuk mengurangkan sampah di antaranya seperti berikut:

**a) Pelaksanaan Program Bank Kitar Semula**

Bagi tahun 2021 (data sehingga Ogos 2021) Program Bank Kitar Semula yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 110 program di prasekolah dan tadika dengan jumlah kutipan sebanyak 11,824.20kg dengan nilai RM2,413.73;
- 930 program di sekolah rendah dan menengah dengan jumlah kutipan sebanyak 285,533.06kg dengan nilai RM64,425.66;
- 87 program di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan jumlah kutipan sebanyak 37,920.64kg dengan nilai RM45,561.62;
- 695 program di pejabat kerajaan dengan jumlah kutipan sebanyak 419,086.02kg dengan nilai RM78,970.84;
- 4,637 program di komuniti dengan jumlah kutipan sebanyak 836,694.54kg dengan nilai RM78,970.84; dan
- 2,503 program di industri dengan jumlah kutipan sebanyak 3,698,931.17kg dengan nilai RM470,841.07.



**b) Program *World Cleanup Day***

- *World Cleanup Day* 2021 telah berjaya dilaksanakan dari 6 hingga 19 September 2021 bagi menyahut cabaran badan penganjur dunia *Let's Do It World* yang mensasarkan 5% daripada populasi dunia untuk bersama-sama melakukan pembersihan kawasan secara serentak untuk menangani masalah sisa pepejal termasuk sisa di laut; dan
- Program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 10,834 sukarelawan dan 115 agensi. Hasil pelaksanaan aktiviti ini, sebanyak 119,672.34kg sisa telah berjaya dikumpulkan, diasingkan mengikut kategori dan dilaporkan kepada badan penganjur dunia.

**c) Inisiatif Komuniti Sifar Sisa (KOSIS)**

- Inisiatif ini dilaksanakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terpilih untuk mengumpul sisa makanan dan barangan kitar semula bagi penebusan mata ganjaran. Jumlah penyertaan premis yang terlibat dari tahun 2020 sehingga Ogos 2021 adalah sebanyak 3,124 premis iaitu 23% daripada jumlah keseluruhan 13,586 premis yang memberi manfaat kepada 12,496 orang penduduk di 17 PPR Pusat KOSIS. Jumlah barangan yang boleh dikitar semula terkumpul keseluruhannya adalah sebanyak 112,281.08 kg dengan nilai jualan RM35,167.73.

**d) Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan (HKSK)**

- Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan diadakan pada 11 November setiap tahun. Menerusi program ini, orang awam akan memperoleh maklumat dan inspirasi dalam membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian.

**e) Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS)**

- Program PerKISS telah dilaksanakan sejak tahun 2014 sehingga kini melibatkan sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2021 (data sehingga Ogos 2021), sebanyak 961 sekolah telah menyertai pertandingan ini yang terdiri daripada 615 sekolah rendah dan 346 sekolah menengah.

**f) Pertandingan *Waste To Art***

- Penganjuran *Waste to Art Competition* sejak tahun 2016. Sebanyak 200 penyertaan telah diterima bagi tahun 2021 merangkumi 2 kategori iaitu 2 dimensi dan 3 dimensi.

**g) Pendidikan Untuk Pelbagai Peringkat Umur**

- Pelaksanaan sesi ceramah dan pameran berkenaan pembudayaan amalan 3R diteruskan bagi memberi pendidikan dan maklumat yang tepat kepada komuniti. Bagi tahun 2021 (data sehingga Ogos 2021) sebanyak 154 sesi ceramah dan 96 sesi pameran telah dijalankan.

**h) Sukarelawan Hero Kebersihan**

- Sehingga 30 September 2021, jumlah Sukarelawan Hero Kebersihan yang telah mendaftar adalah seramai 18,039 orang.

Selain itu, kementerian juga turut giat melaksanakan kempen-kempen kesedaran untuk mengurangkan sampah, di antaranya seperti berikut:

**i) Kempen *Trash to Cash***

- Bagi tahun 2021 (data sehingga Ogos 2021), sebanyak 224 program *Trash to Cash* telah dilaksanakan di tujuh negeri

yang menerima pakai Akta 672 melibatkan seramai 10,204 orang. Sebanyak 125,598.72kg barangan kitar semula telah berjaya dikumpulkan dengan nilai RM42,596.35.

**j) Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran (Value Food No Waste)**

- SWCorp juga giat mengadakan Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran (*Value Food No Waste*) memandangkan sisa makanan adalah komposisi sisa yang paling tinggi dilupuskan di tapak pelupusan. Bagi mengatasi masalah ini, SWCorp telah mengadakan kempen ini setiap kali musim perayaan memandangkan peningkatan janaan sisa makanan akan berlaku ketika perayaan.

**k) Kempen #JanganGunalah**

- SWCorp giat menjalankan kempen #JanganGunalah bersama pihak berkepentingan di negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Persatuan Penduduk dan NGO di premis perniagaan, pasar awam, pasar tani dan bazar ramadhan. Kempen ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya beg plastik serta mendidik masyarakat supaya berhenti menggunakan beg plastik dan menggalakkan penggunaan beg guna semula.

**l) Kempen Pengasingan Sisa di Punca (Separation at Source – SAS)**

- Bagi tahun 2021 (data sehingga Ogos 2021), sebanyak 128,769 sesi libat urus telah dijalankan kepada isi rumah oleh penguat kuasa SWCorp dengan memberikan risalah dan penerangan dari semasa ke semasa tentang SAS.

**m) Kempen Kesedaran Melalui Platform Media Sosial, Digital dan Elektronik**

## SOALAN NO : 482

- Antara kempen yang dilaksanakan adalah Kempen “Jangan Gunalah! Plastik Sekali Guna”, Kempen Buang Sampah Ke Dalam Tong Sampah, Pelaksanaan Pengasingan Sisa di Punca (SAS), Hargai Makanan Elak Pembaziran, Berani Tegur dan Kempen amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*) melibatkan penglibatan pelbagai peringkat masyarakat.

Jumlah perbelanjaan bagi program kesedaran di bawah Kumpulan Wang Pendidikan Sisa Pepejal bagi tahun 2021 (data sehingga 15 Oktober 2021) yang melibatkan pelaksanaan di tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta 672 adalah sebanyak RM803,476.00.

Secara dasarnya, program-program kesedaran yang dijalankan telah memberikan impak yang positif ke atas alam sekitar dan menyumbang kepada pengurangan sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan. Kejayaan program ini juga dapat dibuktikan menerusi pencapaian kadar kitar semula kebangsaan yang meningkat pada setiap tahun seperti berikut:

- Kadar Kitar Semula 2016 : 17.5%
- Kadar Kitar Semula 2017 : 21%
- Kadar Kitar Semula 2018 : 24.6%
- Kadar Kitar Semula 2019 : 28.06%
- Kadar Kitar Semula 2020 : 30.67%

Usaha-usaha ini akan diteruskan bagi menggalakkan penyertaan dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap gaya hidup yang sejahtera melalui pembudayaan amalan 3R dan sekali gus meminimumkan janaan sisa pepejal. Kerjasama di antara SWCorp dan agensi-agensi yang berkaitan akan dipergiatkan dalam memastikan kebersihan dan kelestarian alam sekitar yang terjamin untuk generasi yang akan datang.

Sekian, terima kasih.